



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

KES TANGKAPAN BARANG-BARANG TEGAHAN KASTAM

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang telah menjalankan gerakan operasi bersepadu bersama Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada Khamis, 08hb Mei 2025 di salah sebuah rumah di kawasan Rancangan Kampong Lambak Kanan. Semasa operasi, JKED telah berjaya menahan dua orang lelaki warga tempatan dan seorang lelaki Penduduk Tetap dalam lingkungan umur 21 hingga 42 tahun atas kesalahan memiliki barang kesalahan kastam iaitu sebanyak 1,050 katon rokok pelbagai jenis, 10 tin minuman keras dan 01 unit *vape*. Turut ditahan ialah wang tunai berjumlah BND1,752.00 yang dipercayai adalah hasil dari penjualan barang-barang kesalahan kastam dan dua buah kenderaan yang dipercayai digunakan untuk menjalankan aktiviti penyeludupan.
2. Kesemua barang-barang terbabit telah dirampas dan individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang JKED untuk siasatan lanjut.
3. Sehubungan itu, JKED ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk sentiasa mematuhi mana-mana perundangan Negara ini termasuk mengelakkan sebarang penglibatan dalam memiliki, menjual ataupun membeli barang-barang tegahan, sekatan dan juga larangan Kastam. Barangsiapa yang didapati terlibat akan dikenakan tindakan undang-undang sepertimana peruntukan kuasa di bawah Perintah Kastam 2006 dan Perintah Eksais 2006.
4. Dalam pada yang sama, JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan. Orang ramai dialu-alukan untuk melaporkan mana-mana kejadian yang menyalahi perundangan Kastam dan Eksais dengan cara menghubungi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di talian +673 8714422/ +673 8721422 ataupun terus membuat laporan ke pejabat Kastam yang berdekatan.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Tarikh: 15 Zulkaedah 1445

13 Mei 2024

Rujukan: ENF/PR/1/2025